

## **GARISPANDUAN MENDAPATKAN DOKUMEN TENDER/SEBUTHARGA**

### **A) SEMAK KENYATAAN TAWARAN DAN PASTIKAN:**

- a) Adakah anda memenuhi syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan?
- i. Tidak dikenakan sebarang tindakan penahanan / penggantungan / pembatalan pendaftaran.
  - ii. Tempoh pendaftaran masih sah sehingga ketarikh tutup tender.
  - iii. Mempunyai kelasifikasi dan bidang yang ditetapkan dengan Pusat Khidmat Kontraktor / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / Kementerian Kewangan atau mempunyai surat kebenaran khas (PKK ada mengeluarkan surat berkenaan).
- \* *Juga memenuhi syarat-syarat kawasan operasi bagi projek yang memerlukan pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (seperti dinyatakan dibelakang sijil pendaftaran)*

- b) Adakah tawaran dikhurasukan khas untuk Bumiputera?

Jika ya, pastikan:

- i) Anda mempunyai pengiktirafan yang diperlukan.
- ii) Tempoh pengiktirafan masih sah sehingga ketarikh tutup tender.

- c) Adakah lawatan tapak wajib?

Jika wajib, dokumen hanya akan dikeluarkan:

- i) Selepas lawatan tapak diadakan.
- ii) Kepada kontraktor/syarikat yang disahkan oleh pejabat yang berkenaan telah mengikuti lawatan tapak.

### **B) UNTUK PEMBELIAN / MENDAPATKAN DOKUMEN**

- a) Pastikan anda membawa semua Pendaftaran-pendaftaran 'ASAL' yang diperlukan.
- b) Bagi projek yang memerlukan pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor, pastikan nama anda adalah termasuk sebagai pegawai yang ditauliahkan.

*Jika tidak, pastikan anda membawa surat perwakilan kuasa dari pegawai yang ditauliahkan dan di atas kepala surat 'ASAL' syarikat.*

- c) Sediakan bayaran di dalam bentuk deraf bank atau wang pos/kiriman wang.

\* Wang tunai sama sekali tidak boleh diterima.

### **C) PEMAKLUMAN TAMBAHAN**

- # Satu syarikat hanya dibenarkan mendapatkan satu dokumen sahaja bagi satu-satu tender.
- # Seorang wakil hanya dibenarkan mewakili satu syarikat sahaja.
- # Pembelian melalui pos tidak dibenarkan.